

5

EVOLUSI DEMOKRASI DAN PILIHAN RAYA DI MALAYSIA

Demokrasi di Malaysia masih muda. Namun, sistem berparlimen itu wujud lebih awal setelah British menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu (PTM) dan Majlis Undangan Persekutuan (MUP) pada tahun 1948. Selepas MUP ditubuhkan, pihak British memperkenalkan sistem pilihan raya bagi memilih ahli majlis perbandaran dan MUP. Jadi, penubuhan PTM dan MUP sebagai asas kepada sistem demokrasi berparlimen di Tanah Melayu. Hakikatnya, penjajahan British mempunyai pengaruh dan kesan besar ke atas sistem politik dan pentadbiran di Tanah Melayu. Hal ini diakui oleh Puthuchery (1980: 1) seperti:

...system of administration follows closely the pattern of the modern western bureaucratic administration which it inherited from the British during the colonial period. However, even though the forms of the western system are outwardly observed, there appears to be a widespread discrepancy between form and reality.

Walau bagaimanapun, pendudukan tentera Jepun di Tanah Melayu dari tahun 1942 hingga 1945 juga mempunyai kesannya tersendiri. Ia telah menyemarakkan semangat nasionalisme dalam kalangan orang Melayu menentang British dan menuntut kemerdekaan (Andaya & Andaya, 1983: 289). Apabila British kembali ke Tanah Melayu selepas tamat Perang Dunia Kedua, kesedaran politik dan semangat juang orang Melayu sudah berubah (Mohd. Isa, 2002: 291).

Mereka tidak lagi tunduk dan patuh secara membabi buta terhadap dasar-dasar British. Buktinya, para pemimpin dan orang Melayu bersatu hati sepenuhnya menentang penubuhan *Malayan Union* (MU) oleh British. Ini menunjukkan mereka semakin berani dan secara terbuka menentang British.

Dalam bab ini membincangkan evolusi sistem berparlimen di Tanah Melayu (kemudian Malaysia) sebelum dan awal merdeka; dan perkembangan pilihan raya di Malaysia hingga PRU-12. Kedua-dua perkara ini saling berkait antara satu sama lain. Pilihan raya itu sendiri misalnya merupakan aktiviti politik yang sangat penting dalam sistem demokrasi bagi memilih perwakilan dan seterusnya menentukan pemerintahan negara. Begitu juga politik demokrasi berparlimen, di mana banyak cabarannya di Malaysia terutama ketika menghadapi pilihan raya.

PEMBENTUKAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

Penubuhan PTM pada 1 Februari 1948 bagi menggantikan MU ialah asas kepada kewujudan sistem berparlimen di Malaysia. Persoalannya, adakah Malaysia negara demokratik? Pada asasnya, Malaysia adalah negara demokrasi yang berpaksikan kepada sistem berparlimen ala-British. Namun, Malaysia dilabelkan bukan negara demokrasi. Hal ini kerana beberapa tindakan, dasar, peraturan dan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh kerajaan bersifat kekerasan, menyekat kebebasan, berlakunya diskriminasi dan sebagainya. Justeru, Case (1993: 182-205) melabelkan Malaysia sebagai semi-demokrasi; Jesudason (1995: 335-356) sebagai negara statis-demokrasi; dan Zakaria Ahmad (1989: 347-382) sebagai negara quasi-demokrasi. Crough (1996: 27) pun mempunyai pandangan yang hampir sama dengan para sarjana ini yang dapat dilihat dalam kenyataannya seperti: